

17/09/2003

KDRM buru tauke sindiket penyeludupan

PUTRAJAYA: Kastam Diraja Malaysia (KDRM) akan bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Jenayah Perdagangan Bukit Aman bagi mengambil tindakan ke atas tauke sindiket penyeludupan yang mempunyai simpanan di luar negara sehingga RM400 juta.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Abdul Halil Abdul Mutalib, berkata pendedahan berhubung pemilikan harta tauke itu diperoleh baru-baru ini hasil risikan pihaknya.

Beliau yang belum menerima laporan penuh berhubung perkara itu, juga sedia menyalurkan maklumat mengenai perkara itu seperti diminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim supaya tindakan dapat diambil ke atas penyangak berkenaan.

"Kita memikirkkan untuk bekerjasama dengan agensi lain supaya tindakan sesuai dapat diambil," katanya pada sidang media selepas merasmikan Hari Kemuncak Bulan Patriotisme dan peletakan semula lencana terbesar Sekolah Alam Shah di Presint 1 di sini, semalam.

Ditanya bilangan tauke sindiket yang mempunyai simpanan di luar negara itu, Abdul Halil berkata, jumlahnya tidak ramai.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya mendapat kerjasama pelbagai pihak termasuk anggota sindiket itu sendiri.

"Selain orang ramai, ada maklumat diberikan mereka yang sudah muak dan benci dengan kegiatan itu," katanya.

Kelmarin, Berita Harian melaporkan ada tauke sindiket penyeludupan mempunyai simpanan di luar negara berjumlah kira-kira RM400 juta hasil kegiatan haram.

Pendedahan itu dibuat oleh Timbalan Ketua Pengarah Pencegahan KDRM, Abdul Rahman Abdul Hamid, berdasarkan maklumat risikan jabatan itu.

Berikutan itu, Rais meminta KDRM mengemukakan bukti kepada Jabatan Peguam Negara bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan.

Mengenai kemungkinan pembabitian orang berpengaruh termasuk bergelar 'Tun' atau 'Tan Sri', Abdul Halil enggan mengulas perkara itu.

Sementara itu, Abdul Halil berkata, pelaksanaan penggunaan banderol (pelekat keselamatan) dan dakwat keselamatan pada kotak rokok yang bertujuan membanteras rokok seludup dan tiruan membolehkan KDRM meningkatkan kutipan cukai hampir RM1 bilion.

Ketika ini, jabatan mengutip antara RM1.1 dan RM1.2 bilion hasil cukai rokok, manakala kerugian akibat penyeludupan rokok dianggarkan RM1.2 bilion setahun.

"Apabila ia dilaksanakan akhir Oktober depan, kita jangka dapat mengutip cukai rokok lebih RM2 bilion," katanya.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis dijangka membuat pengumuman mengenai pelaksanaan banderol dan dakwat keselamatan tidak lama lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Bajet 2004 minggu lalu, berkata kerajaan akan melaksanakan penggunaan banderol dan dakwat keselamatan bagi mengatasi kegiatan penyeludupan rokok.

Mengenai kutipan hasil, Abdul Halil berkata, KDRM mengutip cukai kira-kira RM13.7 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, iaitu sedikit berkurangan berbanding sasaran berikutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas hotel dan restoran.

"Bagaimanapun, sejak bulan lalu kita berjaya meningkatkan kutipan kepada RM2 bilion sebulan. Jika ia berterusan sehingga akhir tahun, jumlah kutipan dianggarkan RM21.5 bilion, lebih baik daripada tahun lalu," katanya.

Tahun depan pula, beliau menjangka kutipan lebih RM25 bilion berikutan

peningkatan cukai rokok dan minuman keras dan bir.